

**TEKS UCAPAN YDP
MAJLIS PERASMIAN PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR
DAN PENGUMPULAN SISA ORGANIK
TAMAN TAMBUN INDAH, SPS
PADA 26 MEI 2012 (SABTU), JAM 3.30 PETANG
BERTEMPAT DI DEWAN TAMAN TAMBUN INDAH, SPS**

Yang Berhormat Yb Tuan Law Choo Kiang

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani,
Pembangunan Luar Bandar Dan Tebatan Banjir
Merangkap Ahli Ddewan Undangan Negeri Kawasan Bukit Tambun

Ms Lim Lee Peng

Champion Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Tambun Indah

Mr. Shen Set Ho

Managing Director Shence Greentech

Yang Dihormati En. Loh Joo Huat

Ahli Majlis MPSP

Wakil-wakil media

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

.

Assalamualaikum, selamat petang dan salam sejahtera,

Pertama sekali, saya berasa amat bertuah kerana dapat hadir pada petang ini bersempena dengan Majlis Perasmian Pusat Sumber Alam Sekitar dan Pengumpulan Sisa Organik Taman Tambun Indah. Terima kasih juga diucapkan

kepada penganjur program pada petang ini iaitu Pusat Sumber Alam Sekitar Tambun Indah, SPS kerana berjaya mengadakan program kemasyarakatan yang melibatkan ramai penduduk.

Saya mewakili MPSP amat berbesar hati sekiranya banyak lagi taman-taman di Seberang Perai mengambil inisiatif mewujudkan pusat sumber alam sekitar dan pengumpulan sisa organik. Usaha ini dapat membantu Majlis dalam mengurangkan kos pengurusan sampah yang mana berjumlah RM 330,000.00 sebulan bersamaan dengan RM 3.96 juta setahun untuk membawa sampah dari Seberang Perai ke Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar. Jika semua orang mempunyai kesedaran tentang kos pelupusan sampah yang tinggi, marilah bersama-sama kita membantu mengurangkan kos ini iaitu dengan kerjasama mengitar semula sampah menjadi suatu bahan yang boleh digunakan semula.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pendidikan kesedaran kepada komuniti tentang mengitar semula sampah giat dijalankan supaya dapat membantu mengurangkan kos pelupusan sampah. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, pendidikan kesedaran bukan sahaja diberikan di peringkat komuniti sahaja tetapi juga di peringkat sekolah. Pada 25 Mei 2012, saya telah merasmikan Program “Zero Waste” di Sekolah Kebangsaan Jawi. Selain itu, sekolah-sekolah lain juga mengambil bahagian dalam program ini seperti Sekolah Kebangsaan To’ Kandu dan Sekolah Rendah Kebangsaan (C) True Light, Juru. Pada tahun ini, sebanyak 52 buah sekolah telah menyertai Anugerah Sekolah Hijau berbanding tahun 2011, hanya 36 buah sekolah menyertai Anugerah Sekolah Hijau. Peningkatan ini menunjukkan kesedaran di peringkat sekolah dalam aspek kebersihan dan kehijauan.

Selain itu, Majlis juga mengadakan Program *Local Action* 21, dimana terdapat 6 pasukan dalam program ini. Anugerah Industri Hijau merupakan salah satu pasukan dalam *Local Action* 21. Program-program akan dijalankan di industri kerana industri mempunyai kantin-kantin yang menghasilkan banyak sisa makanan, dimana sisa-sisa makanan ini boleh dikompos untuk menjadi baja dan sisa makanan ini tidak perlu dihantar ke Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar. Disamping itu, majlis juga mengadakan Program “*Zero Waste*” di bangunan MPSP dan juga pendidikan menyediakan “*mudball*”, CSR. Disini saya dapat melihat program-program yang dijalankan dengan kerjasama dan sokongan komuniti adalah sejajar dengan Fokus MPSP 2012, iaitu eko-komuniti.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, program pengkomposan telah dijalankan di Pasar Bagan Ajam. Pada hari pertama program iaitu pada 1 April 2011, hanya 300gm/ hari yang berjaya dikutip , tetapi kini 4 tan sudah berjaya dikutip untuk sehari. Peningkatan 10 kali ganda dengan penjimatan RM 12,000 sebulan. Pasar Bagan Ajam, Pasar Raja Uda ,Pasar Bukit Mertajam, Hotel Ixora, Taman Tambun Indah dan Taman Bagan Ajam telah menyertai Program Pengkomposan / Pengumpulan Sisa Organik. Saya berharap lebih banyak taman perumahan yang akan bersama-sama Majlis dalam aspek pengumpulan sisa organik dan juga aspek kitar semula. Pihak MPSP akan sentiasa bersama-sama taun-tuan dan akan memberikan perkhidmatan yang sebaik-baiknya.

Dalam Majlis Bajet MPSP 2013 bersama Komuniti yang dijalankan awal bulan ini, saya amat terharu dengan salah satu kenyataan dalam pembentangan yang disampaikan oleh salah seorang peserta iaitu, “ *sampah tidak ada kaki, tangan ataupun sayap, tetapi mengapa sampah ini boleh masuk ke dalam longkang/ parit*”.

Ini bermakna kerjasama komuniti amat penting kerana ia dapat membantu Majlis dalam aspek menjaga kebersihan. Saya amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua komuniti di SPU, SPT dan SPS. Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk Taman Tambun Indah dalam usaha membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan moto MPSP iaitu *"Sustainability is Our Commitment"*.

Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Tuan Law Choo Kiang, Ahli Majlis MPSP dan rakan-rakan yang berada dalam dewan ini yang memberikan komitmen penuh memberi pembersihan, kebersihan dan pengindahan untuk kawasan ini. Dengan itu, saya sudahi ucapan saya dengan sekian terima kasih.

Sekian.